

29/03/2001

Sikap tidak peduli bukti PSM lemah

Hussain Said

PERSATUAN Sepaktakraw Malaysia (PSM) didesak supaya segera mengadakan mesyuarat Majlis bagi membincang serta menggariskan pendekatan terbaik dalam menangani isu kekecohan penyokong dalam final Kejohanan Grand Prix (GP) Kebangsaan Terbuka Selangor, Ahad lalu.

Kegagalan badan induk itu berbuat demikian tampak seolah-olah bersikap lepas tangan dengan membebankan dan menyerahkan tanggungjawab itu kepada Jawatankuasa Pertandingan PSM dan Persatuan Sepaktakraw Selangor (PSS).

Ahli Jawatankuasa Pertandingan PSM, Mahathir Mohamad berkata, isu kekecohan yang memalukan itu harus mengundang tindakan pantas tetapi selepas empat hari kejadian mengaibkan itu, badan induk itu masih belum memutuskan sebarang keputusan.

"Kita hairan mengapa PSM perlu mengambil masa yang lama untuk membincangkan dan menggariskan pendekatan dalam menangani kejadian memalukan itu.

"Sepatutnya, kejadian hitam julung kali dalam sejarah pertandingan sejak 1994 itu harus membuka mata dan mengundang tindakan pantas daripada PSM selaku badan induk sepak takraw negara untuk menanganinya supaya tidak berulang.

"Bagaimanapun, PSM tampak bersikap pasif dalam menangani masalah ini. Mereka seolah-olah bersikap lepas tangan dan menyerahkan tanggungjawab itu kepada Jawatankuasa Pertandingan dan tuan rumah, Selangor.

"Seharusnya, masalah ini dibawa dalam mesyuarat Majlis PSM selaku jawatankuasa tertinggi dan pemutus dalam badan induk itu untuk dibincangkan sekali gus merumuskan pendekatan terbaik menanganinya," katanya semalam.

Terdahulu, saingan hebat di antara Selangor dan Kelantan dalam final pembuka tirai GP musim 2001 itu bagaimanapun dicemari kekecohan membabitkan penyokong kedua-dua pasukan yang hampir mencetuskan pergaduhan.

Kejadian hitam itu adalah yang pertama kali berlaku sejak pertandingan itu diadakan sejak 1994 sekali gus menambah keaiban kepada pertandingan itu selepas isu ganja membabitkan pemain terbukti musim lalu.

Malah, musim lalu dalam sirkit pembuka tirai di Segamat, Johor juga turut berlaku insiden malang apabila seorang pemain Kedah dibelasah penduduk tempatan gara-gara membawa teman wanita yang baru dikenalnya ke bilik penginapan.

Aksi liar penyokong kedua-dua pasukan bagaimanapun tercetus sebaik perlawanan berakhir yang menyaksikan Selangor mengetepikan cabaran Kelantan 2-1.

Kekecohan membabitkan penyokong kedua-dua pasukan itu menyaksikan botol air mineral dan kerusi plastik melayang-layang tetapi mujur tidak ada seorang pun yang cedera.

Menurut Mahathir, ketika ini tidak ada guna menuding jari dalam mencari kesalahan siapa di sebalik kekecohan itu tetapi tindakan terbaik adalah membincangkannya dalam mesyuarat.

"Suka juga saya sarankan kepada Persatuan Sepaktakraw Selangor supaya mengirimkan surat rasa dukacita mereka terhadap insiden malang itu kepada Kelantan.

"Apatah lagi, mereka selaku tuan rumah dan insiden itu turut membabitkan penyokong mereka," katanya.

(END)

